

FIQH PANDEMIK: ASAS DAN KEPERLUANNYA KEPADA MASYARAKAT MASA KINI

ⁱ*Mohd Soberi Awang, ⁱLukman Abd Mutalib, ⁱWan Abdul Fattah Wan Ismail, ⁱAhmad Syukran Baharuddin, ⁱAbdul Manan Ismail, ⁱSetiyawan Gunardi, ⁱⁱSiti Fatimah Saleh, ⁱMuhammad Hazim Ahmadi

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan

ⁱⁱFakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu

*(Corresponding author) email: soberi@usim.edu.my

ABSTRAK

Setelah muncul dan merebaknya penyakit virus korona pada penghujung tahun 2019 atau yang dinamakan secara ilmiah sebagai "Covid 19" (Corona Virus Disease 2019), ke hampir seluruh pelusuk bumi dan menjadi wabak global, telah mendorong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkannya sebagai satu pandemik pada 11 Mac 2020. Kini setelah hampir genap satu tahun, sejak wabak tersebut mula dikesan di Wuhan, China, WHO dalam laporan terkininya menyebut bahawa sudah hampir 50 juta orang di seluruh dunia telah dijangkiti dengan virus maut tersebut dan lebih daripada satu juta jiwa telah menemui ajal. Hal ini, telah mempengaruhi soal kesihatan, keselamatan, sosial, ekonomi, isu-isu berkaitan amalan keagamaan atau ibadah dan hal-hal berkaitan kehidupan yang lain, yang menuntut masyarakat dunia dengan kepakaran dan kemampuan yang ada dalam pelbagai bidang berganding bahu untuk keluar dari kebuntuan yang dihadapi. Bagi yang berkecimpun dalam bidang akademik, khususnya dalam bidang syariah tidak ketinggalan perlu turut berusaha bagi memposisikan diri dalam menyelesaikan kebuntuan berkaitan isu-isu berbangkit, ekoran daripada situasi tersebut. Kajian yang berbentuk teoritikal ini, bermatlamat menjelaskan asas dan keperluan fiqh pandemik kepada masyarakat Islam masa kini, agar kehidupan mereka sentiasa di dalam lingkungan batas syariah. Metodologi yang digunakan dalam artikel ini adalah kaedah kajian kualitatif dalam meneliti pandangan ulama-ulama klasik dan kontemporari bagi merumuskan bahawa keperluan terhadap fiqh pandemik dan praktiknya dalam masyarakat masa kini. Hasil kajian menunjukkan bahawa fiqh pandemik yang dibawa oleh sarjana kontemporari bertepatan dan selari dengan prinsip syariat Islam dan memenuhi keperluan semasa masyarakat Islam.

Kata kunci: asas, keperluan, fiqh pandemik, masyarakat, masa kini

Pendahuluan

Dinamik kehidupan umat manusia haruslah selari dengan sifat dinamik dalam Fiqh Islami. Hal ini kerana Fiqh Islami mempunyai skop yang luas untuk menjawab dan menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi manusia, khususnya umat Islam. Persoalannya, sejauh manakah kedinamikan kehidupan umat manusia mampu direalisasikan seiring dengan sifat kedinamikan dalam Fiqh Islami?

Seperti yang diketahui, Pandemik COVID 19 yang sedang melanda dunia ketika ini, seharusnya boleh dijadikan platform oleh sarjana syariah untuk memposisikan diri sebagai antara pasukan barisan hadapan (frontliner). Seandainya petugas kesihatan, keselamatan dan seumpamanya merupakan pasukan barisan hadapan (frontliner) dalam menjaga keselamatan jiwa, akal, keturunan dan harta orang ramai, maka para ilmuan syariah juga boleh dikira sebagai petugas barisan hadapan dan hero dalam urusan menjaga agama serta yang lainnya, khususnya berkaitan soal spiritual dan penyelesaian hukum-hukum fiqh yang

berkaitan rapat dengannya. Hal demikian, kerana Pandemik Covid 19 banyak membuka persoalan fiqh yang lebih meluas dan mencabar sama ada berkaitan ibadah, kemasyarakatan, kekeluargaan dan seumpamanya.

Pengertian Fiqh Secara Etimologi Dan Terminologi

Kata fiqh adalah diambil dari kata Arab 'الفقه' yang bermaksud, faham (الفهم), pintar (الطهنة) (Abu Jayb, 1988/1408H) atau tahu dan memahami mengenai sesuatu secara mendalam (Hasan Jabal, 2010), kemudian ia dikhususkan kepada salah satu cabang ilmu dalam Syariah Islam (Abu Jayb, 1988/1408H).

Manakala secara terminologi, pada awalnya menurut al-Ihsan al-Mujaddidi al-Barakati ia diertikan sebagai pengetahuan berkaitan akhirat, yang mencakupi aspek-aspek yang boleh merosakkan jiwa dan pengetahuan mengenai kehinaan dunia ini (Al-Ihsan, 2003/1424H). Fiqh pada asalnya merujuk kepada pengetahuan seseorang tentang hak baginya dan kewajipan ke atasnya (*ma lahu wa ma 'alayh*). Takrif ini mencakupi semua bidang ilmu akidah, akhlak dan amali. Ini adalah bersandarkan takrif fiqh bagi Abu Hanifah, disebabkan padazamannya disiplin ilmu fiqh, belum lagi dipisahkan dari ilmu-ilmu lain seperti yang wujud pada hari ini (al-Zuhayli, t.t). Al-Ghazali pula menjelaskan bahawa para ilmuwan pada zamannya mengenali ilmu Fiqh sebagai ilmu fatwa yang bersandarkan dalil dan 'illah (Al-Ihsan, 2003/1424H). Selanjutnya, ia lebih dikhususkan sebagai merujuk kepada kefahaman dan pengetahuan tentang hukum hakam syarak yang praktikal berdasarkan dalil-dalilnya yang terperinci. (Al-Khin et. al, 1989/1410H).

Maksud Fiqh Pandemik

Pandemik bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia (Kamus Dewan, 2010).

Di dalam Bahasa Arab terdapat beberapa perkataan yang mempunyai kaitan dengan maksud pandemik, antara yang kami temui adalah:

- i. الوَبَاءُ ج الأوبئة wabak, penyakit yang merebak dan menimpa ramai orang (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/الوباء/>).
- ii. المَصِيبَةُ ج المصائب: musibah, perkara yang memeritkan atau tidak disukai yang menimpa manusia (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/المصيبة/>).
- iii. الجَائِحَةُ ج الجوائح: perkara malang atau yang membinasakan (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/الجائحة/>).
- iv. النَّوَابِغُ ج النوائِبُ: musibah yang sangat dahsyat merangkumi bencana dan peristiwa yang menyakitkan (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/النوابغ/>).
- v. الأَفَاقَةُ ج الأفاث: perkara yang merosak atau membinasakan (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/الأفأة/>).
- vi. النَّازِلَةُ ج النَّوَازِلُ: isu yang baru berlaku dan memerlukan penjelasan hukum syarak (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/النازلة/>).

Apabila kita memerhatikan pengertian fiqh dan juga perkataan-perkataan yang ada hubungan dengan maksud pandemik di atas, maka dapat kesimpulan di sini bahawa Fiqh Pandemik adalah merujuk kepada, **Pengetahuan tentang hukum-hukum syarak mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan wabak yang menular secara meluas.**

Fiqh: Antara Unsur Tetap Dan Anjal

Fiqh merupakan cabang ilmu Islam yang bersifat anjal (*murunah*), selaras dengan Islam yang bersifat universal dan sentiasa sesuai dengan perkembangan dan keadaan umat manusia sepanjang zaman. Sumber-sumber hukum Islam yang *qat'iy* (al-Qur'an dan al-Sunnah) pula memberikan panduan komprehensif mengenai berbagai permasalahan yang dihadapi oleh manusia dan terus terpelihara sebagai petunjuk dan pertimbangan dalam menetapkan sesuatu hukum.

Secara ringkasnya, di dalam fiqh terdapat dua unsur yang tidak dapat dipisahkan sama sekali, iaitu unsur tetap (*thabat*) dan unsur anjal (*murunah*). Unsur tetap dalam fiqh adalah berkaitan prinsip, dasar serta sumber-sumber hukum, ia tidak mungkin berubah dengan perubahan masa, perkembangan umat manusia atau perbezaan tempat, malah ia tidak mungkin sama sekali dijadikan subjek ijtihad. Sementara unsur anjal pula, berkaitan hal-hal pendekatan atau teknikal yang sentiasa sesuai dengan perkembangan dan keadaan umat manusia di sesuatu lokasi pada sepanjang zaman (*Subul al-Istifadah min al-Nawazil, al-Fatwa wa al-Amal. Majallah al-Majma' al-Fiqh al-Islami*). Keanjalan ini adalah bertujuan menjaga kemaslahatan hidup manusia sesuai dengan tujuan syariat diturunkan. Komponen keanjalan terdiri dari hukum-hukum yang bersifat ijtihadi dalam pelbagai bidang fiqh dan ia boleh dikembangkan lagi oleh para fukaha.

Sebagai contoh; menjaga kebersihan merupakan perkara asas yang ditetapkan dalam Islam melalui nas al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Antaranya adalah melalui firman Allah SWT yang bermaksud: "... sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri." (Surah al-Baqarah 1: 222), dan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Kebersihan itu sebahagian daripada iman" (Muslim, t.th). Manakala bagaimana cara atau apakah bahan yang hendak digunakan untuk bersuci atau untuk melakukan kebersihan, adalah berkait dengan perkara teknikal atau pendekatan yang sesuai, walau bagaimanapun cara dan bahan yang digunakan dan diperoleh tertakluk kepada asas yang telah ditetapkan, seperti tidak mengandungi bahan najis, memperolehnya secara halal dan seumpamanya.

Asas Fiqh Pandemik

Apabila membicarakan fiqh pandemik, ia bukanlah merupakan satu wacana baru yang terasing dari syariat Islam, malah ia merupakan sebahagian dari syariat Islam yang dijelmakan secara realistik bagi menangani isu-isu syariah yang berkaitan wabak, bersandarkan asas ijtihad yang telah ditetapkan, sama ada dari sumber-sumber yang disepati (*muttafaq 'alayha*) dan yang tidak disepakati (*mukhtalaf fiha*), dengan pendekatan yang berbeza berdasarkan perbezaan keadaan, situasi dan kondisi zaman dan tempat.

Mengenai hal ini, al-Shirazi melalui karya agongnya '*al-Luma'*' telah menggariskan langkah-langkah yang perlu diikuti oleh para sarjana fiqh atau fukaha dalam memutuskan hukum-hukum berkaitan wabak atau pandemik. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- 1- Wajib mendapatkan penjelasannya daripada nas-nas syarak, sama ada yang tersurat (الظواهر) (في منطوقها) maupun yang tersirat di sebalik nas syarak (مفهومها), perlakuan-perlakuan Rasul SAW (أفعال الرسول) dan persetujuannya (إقراره), atau ijmak ulama *al-Amsar* (ijmak ulama di kota-kota besar Islam). Sekiranya tiada, maka hendaklah berpindah ke langkah seterusnya.
- 2- Menggunakan kaedah *al-qiyas*. Dengan mendapatkan '*illah*' yang terdapat pada nas.
- 3- Mendapatkan keterangan-keterangan yang mendokong nas, seterusnya meneliti maksud yang tersirat daripada nas dan diikuti dengan mendapatkan keterangan-keterangan lain yang mampu mempengaruhinya. Kemudian mengujinya secara individu dan berkumpulan.
- 4- Sekiranya tiada penjelasan yang diperoleh dengan mengikut langkah-langkah tersebut, maka hendaklah kembali kepada hukum asal. (Al-Shirazi, 2003/1424H)

Untuk menentukan hukum-hukum berkenaan isu-isu berkaitan pandemik, kombinasi kepakaran syariah, medikal, keselamatan, sosial ekonomi, politik dan yang berkaitan adalah amat diperlukan, ini adalah selari dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "...maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui" (Surah al-Nahl: ayat 43), selain itu, ia juga selari dengan tuntutan *maqasid al-shari'* agar manusia sentiasa menjaga kepentingan (*maslahah*) mereka dalam melaksanakan tuntutan agama dan urusan dunia secara bersama dan setiap keputusan yang diambil hendaklah mengambil kira kedua-dua aspek tersebut (Al-Shatibi, 1997/1417H).

Keperluan Masyarakat Masa Kini Kepada Fiqh Pandemik

Pandemik Covid-19) mula menjejaskan dunia sejak akhir tahun 2019. Jutaan orang telah dijangkiti di kebanyakan negara di seluruh, dan telah mengorbankan lebih daripada 1 juta nyawa. Di Malaysia penularan penyakit COVID-19 telah memasuki gelombang ketiga dan dianggap lebih mencabar dibandingkan dengan gelombang pertama dan kedua, khususnya selepas tarikh 7 September 2020 susulan situasi peningkatan kes COVID-19 di negeri Kedah dan Sabah pada ketika itu (<https://kpkkesihatan.com/2020/10/18/kenyataan-akhbar-kpk-18-oktober-2020-nilai-rt-terkini-bagi-wabak-covid-19-di-malaysia/>). Beberapa langkah telah diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mengawal penularan virus. Pengumuman ini disusuli dengan beberapa panduan umum, seperti pembatalan ataupun penundaan sebarang acara yang berskala besar. Tidak terkecuali soal-soal yang melibatkan isu-isu berkaitan ibadat dan kehidupan harian umat Islam.

Antara ajaran Nabi SAW apabila berhadapan dengan masalah penyakit berjangkit adalah dengan mengambil langkah pencegahan. Ia adalah menjadi tanggungjawab agama setiap individu dan masyarakat, agar orang yang sihat tidak dijangkiti. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat*” (Al-Bukhari, 1422H).

Dengan itu, sama ada secara rela atau tidak, penularan penyakit COVID-19 telah menuntut umat Islam atau masyarakat Islam agar lebih prihatin dan mengambil cakna mengenainya bagi menjaga kepentingan (*masalah*) mereka dalam melaksanakan tuntutan agama dan urusan dunia mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada “*Uli al-Amr*” (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka; dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihannya kepada kamu, tentulah kamu (terbabas) menurut Syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu). (Surah al-Nisa’: ayat 43)

Fiqh Pandemik merupakan produk ijtihad semasa yang semestinya dilakukan oleh para fukaha atau ulama yang berkeelayakan serta dibantu oleh mereka yang berkeelayakan dalam bidang-bidang berkaitan, serta perlu didokong oleh para *Uli al-Amr* dalam merealisasikan sebagai keputusan atau peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua masyarakat Islam dalam amalan agama dan kehidupan mereka. Jelas di sini, bahawa ulama dan umara secara zahirnya mempunyai fungsi dan peranan masing-masing yang berbeza, namun dari aspek matlamatnya adalah sama. Ini menunjukkan gandingan kedua-dua golongan ini dalam merealisasikan tujuan utama Syariah Islam, iaitu “untuk mendatangkan *maslahah* (kebaikan) dan menghindari *mafsadah* (kerusakan)”, tidak dapat dipisahkan sama sekali.

Tujuan utama pembinaan fiqh pandemik adalah bagi memastikan syariat Islam itu terlaksana secara keseluruhannya dalam apa jua situasi, tanpa mengambil kira sempadan tempat, masa atau bangsa. Ini adalah kerana satu-satunya matlamat kejadian manusia itu adalah beribadah kepada Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: “*Dan Aku tidak ciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepadaku*” (Surah al-Dhariyat: ayat 56)

Kesimpulan

Kesimpulan daripada artikel ini ialah:

1. Mempermudahkan mereka memahami isu-su berkaitan sesuai dengan kadar intelektual dan latar belakang sosial yang mereka ada, tanpa membebankan mereka di luar kontak yang mereka mampu. Hal ini, jelas kita dapat fahami daripada maksud dua *athar* para sahabat yang berikut:
 - i. Kata Sayyidina ^CAliy KW: “Berbicaralah dengan manusia dengan apa yang mereka tahu, adakah anda suka Allah dan RasulNya didustakan?” (Al-Bukhari, 1422H).
 - ii. Kata Ibn Mas^ud RA: “Engkau tidak berbicara dengan sesuatu kaum perkara yang tidak tercapai oleh akal mereka, melainkan akan menimbulkan fitnah di kalangan sesetengah mereka” (Muslim, t.th)
2. Perlu jadikan ruh *taysir* (ruh syariah yang bersifat mudah) sebagai dominasi, dibandingkan dengan pendekatan kekerasan (*tashdid*) atau menyulitkan (*ta^usir*) (Al-Qaradawi, 1987/1408H).
3. Pengaplikasian hukum berkaitan Fiqh Pandemik, adalah selaras dengan *maqasid al-syari'ah* yang lima dan kaedah fiqh “Mengelak berlakunya kerosakan hendaklah didahului dari menarik kemaslahatan (درء المفسد أولى من جلب المصالح)”, “kemudaratan perlu dibendung semampu yang dapat dilakukan (الضرر يدفع بقدر الإمكان)” dan kaedah-kaedah fiqh lain yang berkaitan.
4. Fiqh Islami mampu memberi jawapan dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan semasa yang dihadapi oleh umat manusia amnya dan masyarakat Islam khususnya di mana jua dan di dalam situasi apa jua sekali pun

Penutup

Antara *sunnatullah* terhadap hambaNya di dunia ini ialah Allah SWT mendatangkan mereka ujian daripadaNya dengan berbagai variasi yang tidak terbatas, agar mereka sentiasa bersiap siaga dan kembali kepada kebenaran dan syariahNya. FirmanNya yang bermaksud: “Dan demi sesungguhnya, Kami akan merasakan mereka sedikit dari azab dunia sebelum azab yang besar (di akhirat kelak), supaya mereka rujuk kembali bertaubat” (Surah al-Sajdah, ayat 21).

Senarai Rujukan

Al-Qur'an al-Karim.

- Al-Shirazi, Abu Ishaq. (2003/1424H). *Al-Luma^u fi Usul al-Fiqh*. ____: Dar al-Kutub al-^CIlmiyyah.
- Al-Shatibi, Ibrahim. (1997/1417H). *Al-Muwafaqat*. tah. Al Salman, Abu ^CUbaydah. ____: Dar Ibn ^CAffan.
- Al-Khin, M. et. al. (1989/1410H). *Al-Fiqh al-Manhaji*. Dimashq: Dar al-^CUlum al-Insaniyyah.
- Abu Jayb, S. (1988 /1408H). *Al-Qamus al-Fiqh – Lughatan wa Istilahan*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Ihsan, M. ^CAmim. (2003/1424H). *Al-Ta^urifat al-Fiqhiyyah*. ____: Dar al-Kutub al-^CIlmiyyah.
- Hasan Jabal, M. H. (2010). *Al-Mu^ujam al-Ishtiqaqi al-Mu^uassil li Alfaz al-Qu`an al-Karim*. Al-Qahirah: Maktabah al-Adab.
- Majallah al-Majma^u al-Fiqh al-Islami*. Jeddah: Munazzamah al-Mu'tamar al-Islami.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il, *Sahih al-Bukhari*. tah. al-Nasir, M. Z. ____: Dar Tawq al-Najah.
- Muslim bin al-Hajjaj. (t.th). *Sahih Muslim*. tah. ^CAbd al-Baqi, Muhammad Fu'ad. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath.

Al-Qaradawi, Yusuf. (1987/1408H), *Fatawa Mu^ca^sarah*. Al-Mansurah: Dar al-Wafa' li al-Tiba^eah wa al-Nashr wa al-Tawzi^e.

Kamus Dewan. E. 4. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<https://www.al-madina.com/article/693990/>

<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>

<https://kpkesehatan.com/2020/10/18/kenyataan-akhbar-kpk-18-oktober-2020-nilai-rt-terkini-bagi-wabak-covid-19-di-malaysia/>